

# UPMKB jayakan Lawatan Penanda Aras EKSA

.....  
**CAROLYNE UTIH**

**BINTULU:** Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menjayakan Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu dan Hospital Bintulu di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, lawatan yang diketuai Penyelaras EKSA UPMKB itu dihadiri 30 peserta dan disertai bersama Jawatankuasa Pelaksana UPMKB serta ketua-ketua sub-zon yang dilantik.

"Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan perkongsian pengalaman berkenaan amalan EKSA di PPD dan Hospital Bintulu memandangkan agensi tersebut telah mendapat pensijilan EKSA dari Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

"Semoga lawatan ini dapat membantu memberi aspirasi kepada UPMKB untuk terus komited dalam pelaksanaan EKSA seterusnya berjaya mendapat pensijilan masa akan datang," ujar kenyataan itu semalam.

**UNTUK ALBUM...** Rombongan UPMKB merakamkan gambar kenangan bersama kakitangan Hospital Bintulu pada Lawatan Penanda Aras EKSA UPMKB ke Hospital Bintulu.

